

AL-HIKMAH

Jilid 16 ISSN 1985-6822 2024M
No. 1 1445H

- SOROTAN KARYA BERSISTEMATIK KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP KESIHATAN MENTAL DI MALAYSIA ... 1-21
Siti Nurfatin Norasid & Muhamad Faisal Ashaari
- TEMA DAKWAH DALAM GALERI MUZIUM PAHANG ... 22-34
Azman Yusof, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Siti Maimunah Hj Kahal
- KONSEP PEMBELAJARAN TAUHID DALAM MASYARAKAT MENERUSI LAGU “TOMBO ATI” KARYA SUNAN BONANG... 35-50
Indriya, Reynaldo Anggi Permana, Chika Amara Dina Inayah & Nayla Dewi Vursita
- KAJIAN PENGHAYATAN IBADAH DAN KEMAHIRAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PENDUDUK PULAU TINGGI, MERSING JOHOR ... 51-67
Naemah Hamzah, Ahmad Che Yaacob & Nurul Hajar Jamaluddin
- PENDEKATAN DAKWAH TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ KEPADA SAUDARA BARU DI KELANTAN ... 68-87
Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, Nur Syazana Adam & Nur Farha Muhammad Faleh Lai

Pendekatan Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Kepada Saudara Baru di Kelantan

THE APPROACH OF DAKWAH TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ TO NEW CONVERTS IN KELANTAN

WAN ZUHAIRA NASRIN WAN ZAINUDIN, NUR SYAZANA ADAM & NUR FARHA MUHAMMAD FALEH LAI

ABSTRAK

Dakwah kepada saudara baru di Kelantan berkembang baik di bawah pentadbiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Peranan dan jasa al-Marhum dalam membantu, menyokong dan mengukuhkan dakwah kepada saudara baru dapat dilihat dengan perkembangan pesat dakwah di Kelantan. Dalam metodologi dakwah, terdapat tiga pendekatan utama iaitu *al-hikmah*, *maw' izah hasanah* dan *mujādalah*. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan al-marhum menerusi tiga metodologi ini kepada saudara baru di Kelantan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes melalui temu bual separa berstruktur kepada 5 orang informan di Kelantan. Kajian ini menggunakan pensampelan bola salji (*snow ball sampling*) dan dianalisis secara deskriptif. Dapatkan kajian disusun berdasarkan *thematic* untuk mengenal pasti tema-tema yang terbentuk hasil daripada temu bual yang dilakukan. Hasil kajian mendapati, Tuan Guru Nik Abdul Aziz telah memanifestasi pendekatan dakwah kepada tiga kaedah utama iaitu pendekatan dakwah *al-hikmah*, *maw' izah hasanah* dan *mujādalah*. Di samping itu, kajian ini memberi sumbangan ilmu kepada Majlis-Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA Kelantan), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM Kelantan) dan Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP Kelantan) serta badan-badan NGO Islam yang terlibat dengan dakwah Islamiah di Malaysia.

Kata kunci: Dakwah, pendekatan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz, saudara baru, medium dakwah

ABSTRACT

Dakwah efforts towards new converts in Kelantan are well established under the leadership of Tuan Guru Nik Abdul Aziz. The rapid development of dakwah in Kelantan is a testament to his role and contributions in supporting and strengthening these efforts. In dakwah methodology, there are three main

approaches: *al-hikmah*, *maw'izhah hasanah*, and *mujādalah*. As a result, this study aims to examine the late Tuan Guru's approach to new converts in Kelantan using these three methodologies. This qualitative study employs a case study design, with semi-structured interviews conducted with five informants in Kelantan. Snowball sampling was employed, and the data were analyzed descriptively. The findings are organized thematically to identify the themes that emerged from the interviews. The study found that Tuan Guru Nik Abdul Aziz manifested his dakwah approach through three main methods: the approaches of *al-hikmah*, *maw'izhah hasanah*, and *mujādalah*. Additionally, this study provides valuable insights for the Kelantan Islamic Religious Councils (MAIK), the Kelantan Department of Islamic Affairs (JAHEIK), the Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA Kelantan), the Islamic Welfare Organization of Malaysia (PERKIM Kelantan), and the Islamic Dakwah Institute of PERKIM (IDIP Kelantan), as well as other Islamic NGOs involved in dakwah efforts in Malaysia.

Keywords : *Dakwah, approach, Tuan Guru Nik Abdul Aziz, new muslim, medium da'wah*

Received: 9 May 2024

Revised: 16 May 2024

Accepted: 26 June 2024

Published: 30 June 2024

PENDAHULUAN

Kelantan merupakan negeri yang sangat pesat dengan perkembangan ilmu, pembangunan dakwah dan Islam dikenali sebagai negeri Serambi Mekah di samping mempunyai penduduk majoriti yang beragama Islam. Dalam suasana dakwah yang berkembang rancak di Kelantan terdapat ramai saudara baru dari pelbagai latar belakang bangsa dan budaya yang memeluk Islam dan ramai Islam di samping institusi yang menjaga kaum di Kelantan. Di Kelantan, saudara baru bukanlah suatu yang asing lagi untuk diperkatakan. Menurut rekod Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, statistik yang memeluk Islam di Kelantan pada tahun 1990-1997 seramai 1542 saudara baru memeluk Islam, seterusnya pada tahun 1998-2004 seramai 2230 saudara baru memeluk Islam. Ini merupakan peningkatan sebanyak 688 saudara baru daripada pelbagai bangsa etnik budaya dan keturunan memeluk agama Islam sepanjang tujuh tahun. Seterusnya, perkembangan yang positif ini telah menggerakkan pendakwah, organisasi dakwah untuk menguruskan saudara baru dengan baik. Statistik ini memberi satu gambaran yang jelas tentang perkembangan yang berlaku dalam pemelukan Islam di Kelantan dari statistik tersebut dapat dilihat wujudnya suasana yang positif dalam gerakan dakwah di Kelantan.

Antara sebab yang mendorong kepada perkembangan dakwah yang pesat dan baik di Kelantan ialah Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Keterlibatan

Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang aktif dalam lapangan dakwah telah banyak menyumbangkan kepada penyebaran agama Islam di kalangan masyarakat majmuk di Kelantan dan juga khas kepada saudara baru. Keupayaan Tuan Guru Nik Abdul Aziz untuk menyentuh hati masyarakat dengan mesej dakwah yang dibawa amat berkait rapat dengan pendekatan atau metodologi dakwah yang beliau gunakan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan dakwah *al-hikmah*, *maw'izah hasanah* dan *mujādalah* yang diaplikasikan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz kepada saudara baru di Kelantan.

KONSEP DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU

Merujuk kepada ayat 125 daripada surah al-*Nahl* dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga asas metodologi dakwah iaitu *al-hikmah* (bijaksana), *maw'izah hasanah* (nasihat yang baik) dan *mujādalah* (berdialog dengan cara yang lebih baik) (Habib Abdullah 1980: 322). Allah berfirman:

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”. (Surah al-*Nahl* 16: 125)

Selain itu, ayat ini menunjukkan pentingnya penggunaan dan pemilihan metodologi dakwah yang tepat dan sesuai mengikut tahap mad'u di samping berperanan dalam menentu dan menjamin keberkesanannya mahupun kejayaan terdapat usaha dakwah yang dilakukan sama ada secara individu atau berkelompok. Kepentingan tersebut dapat dilihat menerusi pengulangan kalimah-kalimah tersebut di dalam al-Quran di mana kalimah *al-hikmah* disebut sebanyak dua puluh kali, kalimah *maw'izah hasanah* disebut sebanyak sembilan kali dan kalimah *mujādalah* disebut sebanyak dua puluh sembilan kali dalam pelbagai bentuk (Roslieza 2016).

Metodologi *al-Hikmah*

Al-hikmah berasal daripada kalimah bahasa Arab yang mempunyai pelbagai tafsiran seperti pengetahuan tentang kelebihan sesuatu perkara dengan ilmu yang paling baik, ilmu dan kefahaman, keadilan, sebab, percakapan yang sedikit tetapi memberi maksud yang tinggi, kebijaksanaan, tahan marah, kenabian, sesuatu yang tidak memperlihatkan kejihilan, setiap perkataan

yang bertepatan dengan kebenaran, meletakkan sesuatu pada tempatnya, perkataan yang betul dan tepat dan sesuatu yang menegah daripada perlakunya kerosakan (Ibrahim et al. 1972; Wan Hussein 1984).

Kalimah *al-hikmah* yang telah disebut dalam al-Quran mempunyai pelbagai makna dan bergantung kepada penggunaannya dalam ayat suci al-Quran. Akan tetapi maksud *al-hikmah* yang ingin dibincangkan dalam konteks saudara baru ialah sebagai suatu metode dakwah dalam yang wujud dalam ajaran Islam dengan tujuan untuk menyampaikan insan kepada jalan kebenaran dengan mempertimbangkan kemampuan dan ketajaman rasional atau si penerima dakwah (Mohd Ridhuan Tee & Redwan 2014).

Menurut Sayid Qutb (1994), pelaksanaan metodologi *al-hikmah* perlu diteliti dengan melihat suasana persekitaran dan keadaan mad'u seperti penyampaian maklumat mestilah mengikut kadar kemampuan mereka dengan tidak memberatkan atau menyusahkan. Untuk menarik perhatian mereka terhadap isi kandungan dakwah yang disampaikan, maka kepelbagaiannya kaedah penyampaian harus diberi penekanan agar mad'u berasa selesa dan mudah menerimanya.

Menyokong fakta di atas, menurut Abdul Munir et al. (1985), metodologi dakwah *al-hikmah* adalah bertujuan untuk menyeru manusia kepada kebaikan dan menghalang atau mencegahnya daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam agama dan juga adab atau taat susila sesebuah bangsa yang tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Oleh sebab itu, metodologi *al-hikmah* perlu dikuasai oleh pendakwah dan mereka yang menggerakkan organisasi dakwah dengan menguasai ilmu, kebijaksanaan, kesabaran, keadilan, lemah-lembut, kefahaman, kebenaran dan pengalaman sebagai asas untuk membuat sesuatu keputusan yang bersesuaian dan tepat dengan keadaan mad'u. Harus diingati bahawa metodologi *al-hikmah* adalah asas dan tunggak kepada pelaksanaan dakwah serta menjadi asas dalam dakwah untuk para nabi. Pemahaman yang jelas terhadap konsep *al-hikmah* dengan sempurna akan membantu kepada keberkesanannya pelaksanaan dakwah (Zainudin & Abdullah 2018).

Dalam konteks dakwah kepada saudara baru, pendekatan *al-hikmah* amat penting kerana pendakwah perlu bijak memahami latar belakang saudara baru, termasuk budaya asal, tahap pengetahuan agama, dan cabaran yang mereka hadapi. Seterusnya dakwah perlu disesuaikan mengikut kemampuan dan kefahaman saudara baru. Contohnya, tidak membebangkan mereka dengan terlalu banyak maklumat atau amalan pada peringkat awal. Selain itu, menggunakan bahasa dan istilah yang mudah difahami, mengelakkan penggunaan istilah yang kompleks pada awalnya dan menunjukkan aplikasi ajaran Islam dalam kehidupan seharian dengan cara yang praktikal dan mudah difahami.

Metodologi Maw'izah Hasanah

Menurut Enjang dan Aliyudin (2009), *maw'izah hasanah* bermaksud pelajaran dan nasihat yang baik sebagai dorongan dan motivasi. Nasihat tersebut dilakukan dengan lemah-lembut supaya dapat memberi kesan terhadap jiwa untuk meningkatkan amal kebaikan. Selain itu, nasihat juga boleh dilakukan dengan memberi bimbingan atau sesuatu arahan mengikut kemaslahatan. Disebabkan itu, setiap tutur kata yang dilakukan dengan baik, bertanggungjawab dan mudah akan memberi impak yang positif kepada sasaran dakwah. Sehubungan itu, kepentingan terhadap metode nasihat ini diperjelaskan dalam tafsir al-Azhar (2012), dengan pendefinisian *maw'izah hasanah* bermaksud saling menasihati.

Sejajar dengan itu, menurut al-Shaukani (1973), *maw'izah hasanah* disandarkan kepada percakapan yang mengandungi unsur-unsur yang baik dan tegas tetapi dalam keadaan yang menjaga adab, akhlak dan etika berkomunikasi supaya pendakwah dan sasaran dakwah memperoleh manfaat bersama dan saling menghormati antara satu sama lain. Namun begitu, perkataan *maw'izah hasanah* diperincikan dengan sesuatu yang terbit dan lahir dari dalam hati dan naluri seseorang yang bersifat lemah-lembut, menjaga abad kesopanan ketika berkomunikasi dan mempunyai niat yang baik sebagai seorang Muslim. Walau bagaimanapun, menurut al-Maraghi (1935), *maw'izah hasanah* secara khususnya disandarkan kepada pendakwah. Ini menunjukkan seorang pendakwah harus menjadi contoh yang baik kepada persekitarannya dalam semua keadaan. Dalam pada itu, kepentingan metodologi *maw'izah hasanah* menurut Dasuki (1987), ia dinilai dari sudut potensi yang ada pada jiwa manusia untuk berubah ke arah kebaikan.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, *maw'izah hasanah* ialah nasihat, peringatan, pedoman, pengajaran dan iktibar yang perlu diambil perhatian dan peringatan khususnya kepada golongan pendakwah, organisasi dakwah badan-badan NGO, swasta atau kerajaan serta masyarakat Islam.

Untuk saudara baru, pendekatan *maw'izah hasanah* boleh dilaksanakan melalui memberi nasihat dan bimbingan dengan cara yang lembut dan penuh kasih sayang, bukan dengan cara yang menghukum atau menakutkan. Selain itu memberi galakan dan motivasi kepada saudara baru untuk terus belajar dan mengamalkan ajaran Islam. Dalam pada itu, berkongsi kisah-kisah inspirasi dari al-Quran, hadith, dan sejarah Islam yang boleh memberi pengajaran dan semangat. Menyediakan bimbingan yang berterusan dan konsisten, bukan hanya sekali-sekala dan pendakwah sendiri perlu menunjukkan akhlak dan amalan yang baik sebagai contoh kepada saudara baru.

Metodologi Mujādalah

Mujādalah adalah kata nama terbitan dan berasal dari kata kerja iaitu *jadala*, *yujadilu*, *jidalan* dan *mujadalatan* yang bermaksud *khasam* atau *munazarah* (Ali Abdul Halim 1990). Dalam Lisan al-Arab (1968), *al-jadal* bermaksud ikatan yang kuat, satu bahagian tulang yang kuat, mengalah atau suatu pertembungan hujah dengan hujah yang lain. Manakala, Ibn Manzur (1306 H), menjelaskan *al-husnā* merupakan kata *ta'nith* kepada perkataan *al-ahsan* yang bermaksud yang terbaik. Oleh itu, *mujādalah bi al-husna* bermaksud perdebatan atau perbahasan dengan cara yang terbaik.

Berdebat dengan cara yang baik dan sopan merupakan salah satu uslub (cara) yang penting untuk melakukan dakwah ke jalan Allah SWT. Uslub ini amat penting ketika berhadapan dengan orang yang suka membangkang dan keras hati yang memerlukan dalil-dalil bagi membuktikan bahawa tentangan mereka itu tidak benar, sekaligus membuktikan mereka menyukai kebaikan dan kebenaran (Ahmad Mahmud 2003).

Pandangan tersebut dikukuhkan lagi oleh al-Qaradhawi (1982), *mujādalah bi al-husnā* didasarkan kepada persamaan antara pihak yang terlibat secara langsung dalam sesuatu perbahasan di samping ketinggian nilai saling menghormati antara satu sama lain. Fakta ini disokong oleh Syed Quṭb (1994), kaedah *bermujādalah* bukanlah dengan cara memburukkan atau menjatuhkan keperibadian seseorang. Corak *bermujādalah* yang beradab akan memberi kebaikan kepada pihak yang bermujādalah serta mad'u yang mendengarnya.

Siti Labibah (2008) menyatakan dakwah melalui cara *mujādalah* ini dapat dilakukan dengan cara bantahan, diskusi atau berdebat dengan cara yang terbaik, sopan santun, saling menghargai dan tidak secara kaku. Semasa *mujādalah*, pendakwah haruslah bersabar dan mengelakkan daripada melakukan kezaliman kerana ianya tidak disukai oleh Allah SWT.

Justeru, berdasarkan kepada fakta-fakta di atas, pengkaji merumuskan bahawa *mujādalah* merupakan satu pendekatan dakwah yang memerlukan kepada kekuatan hujah di samping menjaga adab ketika berbincang atau berbahas dengan merendahkan keegoan. Sekali gus, gaya penyampaian dan bahasa yang digunakan juga haruslah lemah-lembut tetapi tegas dalam menyampaikan hujah, fakta dan logik akal.

Dalam konteks saudara baru, pendekatan *mujādalah* boleh diaplikasikan melalui menggalakkan perbincangan terbuka di mana saudara baru boleh bertanya soalan dan menyuarakan keraguan mereka tanpa rasa takut atau malu. Kedua menjawab kemusykilan atau persoalan yang dibangkitkan dengan cara yang berhemah, berasaskan ilmu dan bukti. Ketiga jika perlu membuat perbandingan antara Islam dengan kepercayaan lain,

lakukannya dengan adil dan hormat. Keempat menghormati pandangan atau kefahaman asal saudara baru, sambil membimbing mereka ke arah kefahaman yang betul. Kelima jika perlu, melibatkan saudara baru dalam dialog antara agama yang sihat untuk meningkatkan kefahaman mereka tentang Islam dalam konteks kepelbagaian agama. Keenam menggunakan hujah yang logik dan rasional dalam perbincangan, bukan sekadar emosi atau tradisi.

Kesimpulannya, dalam melaksanakan dakwah kepada saudara baru, ketiga-tiga pendekatan ini perlu digunakan secara bersepudu dan fleksibel. Pendakwah perlu bijak memilih pendekatan yang sesuai berdasarkan situasi, tahap kefahaman, dan keperluan individu saudara baru tersebut. Yang paling penting adalah untuk mewujudkan suasana yang kondusif dan menyokong untuk saudara baru terus berkembang dalam perjalanan keislaman mereka.

KEPIMPINAN TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ

Tuan Guru Nik Abdul Aziz menunjukkan contoh kepimpinan yang unik dan berkesan dalam konteks Malaysia. Beliau bukan sahaja seorang pemimpin politik, tetapi juga seorang ulama dan pendakwah yang disegani. Kepimpinan beliau boleh dihuraikan dari beberapa aspek utama. Pertama kepimpinan berasaskan Agama. Tuan Guru Nik Abdul Aziz terkenal dengan kepimpinannya yang berlandaskan ajaran Islam. Beliau sentiasa menekankan pentingnya nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan kehidupan seharian (Ismail 2015). Sebagai Menteri Besar Kelantan, beliau berusaha untuk melaksanakan dasar-dasar yang selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Ini termasuk usaha untuk memperkenalkan undang-undang Syariah dan menggalakkan amalan-amalan Islam dalam pentadbiran kerajaan negeri (Cik Aziron 1997).

Kedua adalah ciri kepimpinan Tok Guru yang paling menonjol adalah kesederhanaan dan integritinya. Walaupun memegang jawatan tinggi sebagai Menteri Besar, beliau tetap mengekalkan gaya hidup yang sederhana. Beliau memilih untuk tinggal di rumah asalnya yang sederhana berbanding kediaman rasmi yang mewah. Sikap ini bukan sahaja menunjukkan keikhlasan beliau, tetapi juga menjadi teladan kepada pemimpin-pemimpin lain tentang pentingnya hidup sederhana dan tidak bermewah-mewah dengan kuasa. Ketiga, pendekatan dakwah dalam kepimpinannya. Tok Guru menggunakan pendekatan dakwah dalam kepimpinannya. Beliau sering menggunakan platform politiknya untuk menyampaikan mesej-mesej Islam. Kuliah-kuliah agama yang beliau sampaikan, sama ada di masjid atau di pejabatnya, menjadi medium untuk mendidik masyarakat tentang nilai-nilai Islam. Pendekatan ini

membolehkan beliau bukan sahaja menjadi pemimpin politik, tetapi juga guru dan pembimbing spiritual kepada rakyat (Jamal Mohd 1999).

Keempat adalah terkenal dengan kelembutan dan kesabarannya, Tok Guru juga dikenali kerana ketegasannya dalam mempertahankan prinsip-prinsip yang beliau percaya. Beliau tidak gentar untuk mengkritik amalan-amalan yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam, walaupun ini kadangkala menimbulkan kontroversi. Ketegasan ini menunjukkan komitmen beliau terhadap prinsip-prinsip yang dipegangnya. Kelima beliau seorang pemimpin Islam yang kuat, Tok Guru juga menunjukkan sikap inklusif terhadap masyarakat bukan Islam. Beliau berusaha untuk melindungi hak-hak minoriti dan mempromosikan keharmonian antara kaum di Kelantan. Pendekatan ini menunjukkan kefahaman beliau tentang realiti masyarakat majmuk di Malaysia (Mohd Yunan 2000).

Keenam adalah dalam kepimpinannya, Tok Guru memberi penekanan kepada pembangunan insan berbanding pembangunan fizikal semata-mata. Beliau percaya bahawa pembangunan sebenar sesebuah masyarakat bermula dengan pembangunan rohani dan akhlak individu. Ini dapat dilihat melalui usaha-usaha beliau untuk meningkatkan tahap pendidikan agama dan moral di kalangan rakyat Kelantan (Cik Azizon 1997).

Kesimpulannya, kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz mencerminkan gabungan unik antara keilmuan agama, kesederhanaan hidup, dan kebijaksanaan politik. Gaya kepimpinan beliau yang berasaskan nilai-nilai Islam, tetapi pada masa yang sama pragmatik dan inklusif, telah menjadikan beliau seorang tokoh yang dihormati merentasi sempadan politik dan agama. Legasi kepimpinan beliau terus menjadi rujukan dan inspirasi kepada banyak pemimpin dan rakyat Malaysia, menunjukkan bahawa kepimpinan berasaskan prinsip dan nilai-nilai murni boleh memberi impak yang besar dan berkekalan dalam masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes melalui temu bual separa berstruktur kepada 5 orang informan di Kelantan. Kajian ini menggunakan pensampelan bola salji (*snow ball sampling*) dan dianalisis secara naratif deskriptif. Dapatan kajian disusun berdasarkan *thematic* untuk mengenal pasti tema-tema yang terbentuk hasil daripada temu bual yang dilakukan. Pemilihan mereka berdasarkan kepada kedudukan mereka sebagai saudara baru di Kelantan yang telah dijalankan antara 4 Februari 2018 sehingga 15 Februari. Berikut adalah senarai informan kajian:

Jadual 1: Senarai informan Kajian

Kod Informan	Jantina	Jawatan
PK 1	Lelaki	Timbalan Yang Dipertua Maik
PK 2	Lelaki	Pengerusi MACMA
PK 3	Perempuan	Staff PERKIM
PK 4	Lelaki	Staff PERKIM
PK 5	Lelaki	Setiusaha Politik MB

Sumber: Pengkaji (2018)

Temubual dijalankan secara separa struktur dan tertumpu kepada aspek pendekatan dakwah Tok Guru Nik Abdul Aziz. Sebanyak tiga soalan yang diajukan kepada informan iaitu a) *al-hikmah*. b) *maw' izah hasanah*. c) *mujādalah*. Data kajian dianalisis secara kaedah tematik yang bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan dakwah Tok Guru Nik Abdul Aziz kepada saudara baru di Kelantan. Menurut Braun & Clarke (2016), analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti pola untuk mendapatkan tema melalui data yang dikumpulkan oleh pengkaji. Menerusi kaedah ini, data temubual itu telah dikategorikan mengikut tiga pendekatan dakwah dikenal pasti dari kajian lalu. Setelah selesai pembentukan kod dan tema, pengkaji telah menyediakan laporan serta memberikan analisis kritis terhadap dapatan kajian berdasarkan kepada kajian yang lalu

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Terdapat pelbagai pendekatan dakwah yang digunakan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz dalam menyampaikan agama Islam kepada saudara baru. Pemilihan pendekatan dakwah yang sesuai mampu menarik hati saudara baru untuk lebih mendalami dan menghayati agama Islam yang dianutinya. Tiga pendekatan dakwah kepada saudara baru di Kelantan dapat dilihat seperti berikut:

Metodologi *al-Hikmah*

Metodologi *al-hikmah* merupakan perkara asas dan tunggak utama dalam melaksanakan dakwah sama ada kepada individu, keluarga dan masyarakat bagi yang telah Muslim dan yang belum Muslim tanpa mengira etnik dan bangsa. Kaedah seumpama ini adalah bersesuaian dengan praktikal para nabi ketika menyebarkan dakwah kepada kaumnya. Oleh sebab itu, metodologi *al-hikmah* tidak boleh dikesampingkan dalam proses kelangsungan dakwah.

Menurut Halimatul Sa'diyah (2015), metodologi *al-hikmah* perlu diberi penekanan disebabkan mempunyai potensi yang tinggi untuk mencapai kejayaan dalam usaha dakwah kepada saudara baru. Menyedari hakikat ini, Tok Guru Nik Abdul Aziz merupakan pendakwah yang proaktif terhadap gerak kerja dakwahnya tidak terkecuali menggunakan pendekatan *al-hikmah* menerusi *qudwah hasanah* kerana ia sebagai salah satu kaedah yang berkesan dalam menunjukkan akhlak dan adab yang baik sebagai seorang pendakwah. Dalam konteks ini, ia bertepatan dengan konsep mendahuluikan perkara yang lebih utama iaitu dari sudut:

a. Membina Hubungan Yang Baik

Akhlik sebagai asas dalam proses membina hubungan yang baik antara individu dengan individu, individu dengan keluarga dan individu dengan masyarakat. Untuk mewujudkan pembinaan budi pekerti yang mulia ini, Tok Guru Nik Abdul Aziz telah merealisasikannya melalui kepelbagai aktiviti yang bertujuan untuk mengeratkan silaturahim sesama saudara baru. Antaranya adalah Tok Guru Nik Abdul Aziz meraikan 60 saudara saudari baru PERKIM Bahagian Negeri Kelantan dan pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) Pengkalan Chepa Kota Bharu di kebun buah-buahan pada Oktober 2004.

Saudara baru dan pelajar berkenaan dihidangkan pelbagai jenis buah-buahan yang diambil terus dari kebun tersebut. Dalam konteks ini menunjukkan bahawa program ini amat penting sebagai usaha untuk merapatkan hubungan antara pemimpin dengan golongan saudara baru dan pelajar IDIP (Buletin UPKN 2004). Bukan itu sahaja, memberi hadiah kepada seseorang merupakan cara untuk menggambarkan suatu bentuk penghargaan kepada seseorang. Nabi SAW sangat menggalakkan umatnya untuk saling memberi hadiah agar melahirkan sifat kasih sayang dan menolak sifat negatif dalam diri.

Tok Guru Nik Abdul Aziz menggunakan pendekatan membina hubungan dengan memberi hadiah kepada saudara baru. Memberi hadiah kepada seseorang merupakan cara untuk menggambarkan suatu bentuk penghargaan kepada seseorang. Menurut PK1 dan PK2 Tok Guru Nik Abdul Aziz menggunakan pendekatan membina hubungan dengan memberi hadiah kepada saudara baru. Hadiah tersebut berupa jam tangan. Beliau menjelaskan seperti berikut:

Ya...contohnya saudara baru yang pernah TGNA membina hubungan yg baik ialah Michael Boateng iaitu dikenali sebagai Muhammad Michael Ghana. TGNA bagi hadiah dari Mekkah.

Ya...brother Muhammad Michael, Michael Ghana tau? Ada sekali tu, Tok Guru dia pergi Mekkah, umrah, dia balik lepastu dia jumpa dengan

saudara Michael masa buka puasa, masa tu saya pun ada sekali...Ohhh tengok-tengok baru saya teringat, saya ada beli jam, yang tunjuk arah kiblat untuk brother Michael. Dia Tok guru lupa nak bawak...aaa sampai macam tu sekali, dia pergi buat umrah pun dia teringat lagi.

Ia bertepatan dengan dapatan kajian Mamat et al. (2004), Ibrahim (1995) dan Mohd Zin (1995) yang melihat pemberian hadiah dapat menggembirakan mereka dan dapat menyampaikan mesej dakwah secara tidak langsung. Analisis mendapati, tujuan pemberian hadiah adalah suatu bentuk penghargaan yang dapat mewujudkan kasih sayang seterusnya dapat menjauhkan perselisihan atau krisis. Pada masa yang sama, sifat prihatin Tok Guru Nik Abdul Aziz terhadap saudara baru adalah salah satu kaedah untuk membina hubungan baik melalui bersalam dan bertanyakan khabar dengan saudara baru yang belum dikenali. Beliau menjelaskan seperti berikut:

Ya...jika ada program bersama saudara baru, TGNA terlebih dahulu menghulur tangan untuk bersalam dan bertanya khabar saudara baru. TGNA mengutamakan saudara baru.

Selain itu, ia merupakan metodologi *al-hikmah* menerusi *qudwah hasanah* kerana ia sebagai salah satu kaedah yang berkesan dalam mewujudkan perasaan kasih terhadap dan dilihat sebagai cara yang mampu menarik saudara baru. Amalan seumpama ini merupakan strategi yang berkesan dalam mengukuhkan nilai ukhuwah Tok Guru Nik Abdul Aziz terhadap saudara baru. Bukan itu sahaja, Tok Guru Nik Abdul Aziz telah meluluskan tanah 1000 ekar di Mengkebang Kuala Krai pada akhir Julai 1996 tujuan supaya PERKIM mewujudkan sebuah perkampungan saudara baru (Anon 1996). Beliau menjelaskan seperti berikut:

Ya...sebagai penggerusi PERKIM, TGNA meluluskan tanah 1000 ekar di Mengkebang Kuala Krai tujuan supaya PERKIM mewujudkan sebuah perkampungan saudara baru.

Seterusnya, diikuti pula Program Iftar Jama'ie dan Majlis Penyampaian Zakat dan Sumbangan Derma Kepada Saudara-saudari Kita pada 13 Ogos, 2011 dengan kerjasama PERKIM Kelantan untuk meraikan 250 orang terdiri daripada saudara-saudari kita (Laporan PERKIM 2011). Program ini dirasmikan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat merangkap penggerusi PERKIM bahagian negeri Kelantan. Setiap aktiviti yang berlaku merupakan salah satu usaha dakwah Tok Guru Nik Abdul Aziz yang diketengahkan bukan sahaja untuk membina hubungan yang baik antara

mereka malah ia sebagai alternatif untuk menunjukkan kepada masyarakat. Menerusi aktiviti seumpama ini amat penting kerana ia mampu memberi kesedaran dalam diri saudara baru berkaitan dengan kepentingan menghargai, menyayangi dan bertanggungjawab serta berbuat ihsan kepada setiap insan iaitu dalam usaha memenuhi tuntutan *hablul mina nas*.

Sebagai pengurus PERKIM Tok Guru Nik Abdul Aziz sentiasa mengadakan perbincangan untuk menambah baik tentang program-program untuk saudara baru di Kelantan. Beliau juga sentiasa berusaha membina jaringan dakwah dengan pihak jabatan agama negeri, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain untuk kepentingan saudara baru. Kesimpulannya, dapat dinyatakan pendekatan dakwah Tok Guru Nik Abdul Aziz lebih ditonjolkan dengan sifat membina hubungan baik dengan saudara baru. Di sini jelas menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan jalinan ukhuwah dibina bukan sahaja kepada Muslim malah kepada non-Muslim agar mereka dapat melihat keindahan Islam serta mewujudkan keharmonian dan keseimbangan hubungan berdasarkan konsep *hablul mina nas*.

b. Membina Hubungan Sosial dan Kemasyarakatan

Hubungan sosial merujuk kepada interaksi diri dengan masyarakat serta penyesuaian diri terhadap persekitaran (Zuriati 2010). Keperluan dan kepentingan sosial adalah keinginan untuk bergaul dan berhubung dengan orang lain sehingga lahirnya nilai dan kasih sayang (Nurzakira Afnee et al. 2016). Manakala, kemasyarakatan dari aspek sosiologi adalah gabungan individu dan kelompok manusia sehingga terbentuk interaksi dan perkongsian kebudayaan yang sama atau perbezaan budaya yang boleh diterima tanpa paksaan (Roslieza 2017).

Oleh itu, terbentuknya pola interaksi hubungan sosial dengan masyarakat berasaskan ikatan kekeluargaan, kejiranian, persahabatan dan organisasi. Kegiatan sosial adalah keperluan semua manusia kerana fitrah mereka bermasyarakat (Nik Muhammad Zawawi 2016). Maka kegiatan sosial telah menjadi kaedah dakwah yang penting juga di Kelantan. Disebabkan itu, menurut PK1 dan PK2 antara program yang dihadiri oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz untuk membentuk pola tersebut seperti menghadiri Majlis Sambutan AidilAdha sambil memperkenalkan tapak pejabat MACMA Kelantan pada 7 November 2011 di Lot 258, Seksyen 25, Taman Maju, Bandar Kota Bharu, (Anon 2011). Kemudian, Tok Guru Nik Abdul Aziz dapat menikmati makanan tradisi Cina yang menggunakan bahan yang halal iaitu Bak Kut Teh yang menggunakan daging lembu atau ayam. Masing-masing menjelaskan seperti berikut:

TGNA menghadiri Majlis Sambutan AidilAdha sambil memperkenalkan tapak pejabat MACMA Kelantan. Selain itu Tok Guru menikmati hidangan Bak Kut Teh sambil diperhatikan oleh Johari.

Diikuti pula Majlis Pengislaman Orang Asli pada 22 Julai 2000 pada 10.00 pagi yang diadakan di Pos Kuala Betis Gua Musang Kelantan (Anon 2000). Beliau menjelaskan seperti berikut:

Ya, contohnya TGNA sudi ke perkampungan Orang Asli di Kuala Betis dan Pos Pulat Gua Musang untuk mengislamkan penduduk Orang Asli dan sekali gus menjadikan Pos Pulat keluarga angkat PERKIM. ... Ya, TGNA sudi ke perkampungan Orang Asli di Kuala Betis dan Pos Pulat Gua Musang untuk mengislamkan penduduk Orang Asli dan sekali gus menjadikan Pos Pulat keluarga angkat PERKIM.

Sememangnya, aktiviti turun padang yang dilakukan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz merupakan aspek membina membina hubungan sosial dan kemasyarakatan. Pada 3 hingga 6 Jun 2006 telah diadakan pameran seni khat Muslim Cina. Pameran yang diadakan di Dataran Ilmu, Kota Bharu juga dikunjungi oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Objektif utama pameran ini adalah untuk memperkenalkan seni khat Muslim China kepada rakyat Kelantan, merapatkan hubungan antara dua negara Malaysia dan China serta dakwah *bi hal* kepada golongan Cina non-Muslim (Anon 2006). Sikap mengambil berat terhadap masyarakat juga dilihat sebagai satu cara untuk mewujudkan kasih-sayang dan tanggungjawab sosial dalam kalangan anggota. Hasilnya, mereka saling menghormati antara satu sama lain dan ia merupakan resipi terbaik dalam usaha mewujudkan kemesraan kemasyarakatan. Justeru, dalam memenuhi tuntutan hidup manusia saling memerlukan tanpa mengira etnik, bangsa, agama dan warna kulit. Disebabkan itu, al-Quran memberi panduan berkaitan dengan bagaimana berhubung dengan orang Islam dan dengan orang yang belum Islam.

Metodologi Maw'izah Hasanah

Maw'izah hasanah ialah pendekatan memberi nasihat dengan cara yang baik sama ada menggunakan lisan cara lisan dan perbuatan. Pendekatan *maw'izah hasanah* tidak terhad kepada bentuk lisan sahaja, bahkan meliputi perbuatan pendakwah yang memberi kesan kepada golongan *mad'u* secara tidak langsung. Dalam hal ini, Tok Guru Nik Abdul Aziz telah menggunakan pendekatan memberi nasihat secara lisan dan perbuatan dalam mendekati saudara baru dan non-Muslim di Kelantan.

a. *Maw'izah hasanah* dengan Lisan

Dakwah secara lisan merupakan antara pendekatan terawal yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan ajaran Islam. Di dalam al-Quran terdapat lebih 300 lafaz Qul yang bermaksud “katakanlah” yang menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW menggunakan lisannya dalam melaksanakan dakwah Islamiyah (Hidayat, 2019). Menerusi sirah baginda SAW, jelas menunjukkan bahawa pendekatan lisan yang digunakan oleh baginda berjaya melembutkan dan menjinakkan hati masyarakat untuk menerima ajaran Islam. Dalam konteks dakwah kepada saudara baru, pendekatan dakwah secara lisan lebih dipraktikkan oleh pendakwah.

Kaedah dakwah secara lemah lembut dan berhikmah yang dilakukan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz telah menyebabkan orang-orang bukan Islam sangat menghormatinya dan berlemah lembut dalam menjelaskan tentang Islam. Hal ini diakui oleh seorang pemimpin masyarakat Siam di Kelantan. Beliau mengatakan bahawa penerangan mengenai Islam oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz menyebabkan orang bukan Islam mulai faham mengenai Islam yang sebenarnya (Ismail Yusoff 2015). Menurut Mohd Ridhuan Tee & Redwan Yasin (2014) pada peringkat awal, haruslah diutamakan sesuatu yang mudah, mencerminkan kesederhanaan Islam.

Tambahnya, keadaan seperti ini tidak pernah berlaku sebelumnya. Tetapi Islam berdasarkan Tok Guru Nik Abdul Aziz adalah sesuatu yang memudahkan dan menyenangkan (Ismail Yusoff 2015). Bersesuaian dengan pandangan Mohd Ridhuan Tee Abdullah & Redwan Yasin (2014), kandungan dakwah yang disampaikan kepada golongan yang baru mengenali Islam seharusnya tidak terlalu mendalam. Berdasarkan fakta tersebut, jelaslah bahawa Tok Guru Nik Abdul Aziz menyampaikan dakwah secara lemah lembut sehingga boleh melembutkan jiwa manusia dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam hati manusia.

Menerusi temu bual yang dijalankan, pengkaji bertanyakan kepada informan berkaitan bentuk maw' izah hasanah dengan lisan. Berdasarkan hasil temu bual pengkaji dengan informan, semua informan PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5 menjawab Tok Guru Nik Abdul Aziz menggunakan pendekatan maw'izah hasanah secara lemah lembut dalam menjelaskan tentang Islam. Kaedah ini memudahkan beliau mendekati saudara baru yang mempunyai pelbagai latar belakang kehidupan. Masing-masing menjelaskan seperti berikut:

Contohnya TGNA bercakap lemah lembut, tidak garang.Aaaa, memang dia jenis yang soft spoken lah, lembah-lembut dia dia bercakap. TGNA memberi pesanan menggunakan pendekatan maw'

izah hasanah secara lemah lembut dalam menjelaskan tentang Islam. Kaedah ini memudahkan beliau mendekati saudara baru.

Oleh itu, dapat difahami bentuk *maw' izah hasanah* secara lisan yang dilakukan Tok Guru Nik Abdul Aziz ialah menggunakan lisan secara lemah lembut. Ia memastikan agar mesej dakwah yang disampaikan sentiasa mempunyai elemen lemah lembut. Aspek tersebut sangat bersesuaian memandangkan Tok Guru Nik Abdul Aziz berhadapan dengan saudara baru yang mempunyai pelbagai latar belakang. Ini menunjukkan pengalaman dakwah yang dimiliki Tok Guru Nik Abdul Aziz telah memberi kesan positif dalam menguasai keadaan golongan sasaran dan menjadikan mereka mudah menerima Islam.

Metodologi Dakwah *Mujādalah*

Pendekatan *mujādalah* ialah berdialog, berbincang, berbahas dan berdebat dengan saudara baru untuk mengetengahkan kebenaran Islam. Dalam konteks ini *mujādalah* bermaksud berdialog atau berbincang dengan golongan saudara baru tentang Islam. Ia satu proses perbincangan yang mempunyai unsur pertemuan, komunikasi, percakapan, perbualan, persepakatan, persefahaman dan perhubungan secara kolektif oleh manusia yang berakal dan dilakukan tanpa batasan mahupun sempadan (Aemy Elyani et al. 2015; Rahimin et al. 2011).

Sementara itu, diadakan Program Ceramah Perbandingan Agama pada 7 Mac 2011 berempat di Dewan Kasturi, pejabat PERKIM bahagian negeri Kelantan Taman Laksamana, Jalan Mahmood, Kota Bharu. Program ini dihadiri seramai 70 orang saudara-saudari kita pelajar-pelajar Kelas Fardhu Ain PERKIM. Selain itu, program ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar PERKIM mengenai perbezaan agama Islam dan agama lain, memantapkan akidah Islamiah kepada peserta-peserta dan mengetahui kepercayaan dan amalan agama lain. Program ini dihadiri oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz, merangkap pengurus PERKIM bahagian negeri Kelantan (Laporan Tahunan PERKIM 2011).

Satu lagi keistimewaan Tok Guru Nik Abdul Aziz yang jarang dimiliki oleh pendakwah lain ialah beliau juga menjalankan dakwah kepada orang bukan Islam. Tok Guru pernah menjadi ahli panel bersama Pengurus Persatuan agama Buddha Dhamma Bhavada, wakil Gereja Anglican dan tokoh agama Confucius dalam Majlis Dialog Antara Agama yang diadakan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor pada 14 Disember 1994 (Ismail Yusoff 2015).

Seterusnya, Mohd Ridhuan Tee (2012) menjelaskan dialog antara Islam dengan bukan Islam bukanlah suatu perkara yang baharu. Ia telah

berjalan sejak zaman para anbia. Bukti ini menunjukkan Islam begitu terbuka kepada dialog untuk mencari penyelesaian kepada masalah yang boleh berlaku dalam sesebuah negara. Menurut PK1 pendekatan *mujādalah* yang dilakukan Tok Guru Nik Abdul Aziz dengan mengadakan dialog semasa menziarahi non-Muslim, antaranya dengan tokoh-tokoh agama Buddha, Sami Buddha dan juga dengan ketua-ketua Hindu dan Kristian. Pendekatan ini memberi ruang kepada non-Muslim bertukar-tukar pendapat tentang perkara yang dilihat berkaitan Islam. Beliau menjelaskan seperti berikut:

“Haa, okey...umpamanya Tok Guru dia berjumpa dengan sami-sami Buddha, pahtu saya pernah atur semasa saya setiausaha sulit tue, berjumpa dengan ketua-ketua kaum agama lain lah, Buddha ada, Hindu ada, Kristian ada, haaa jadi Tok Guru nie dapat menangani dengan baik lah, dapat menangani dengan baik, haaa pernah di Kuala Lumpur, di suatu tempat, sebuah tempat lah di hotel, saya lupo doh, pada awal tahun 2000 eh, dengan sami-sami selalu datang lah, paderi pun ada datang bersama saya, datang pejabat”

Oleh itu, pada 31 Julai 2006, Tok Guru Nik Abdul Aziz mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua agama di Majlis Sagha Kelantan. Tujuan dialog tersebut diadakan untuk menyentuh beberapa perkara. Maka di sana kita dapat saksikan wujudnya amalan dialog yang praktikal lagi sihat diamalkan oleh Tok Guru setiap kali dikunjungi isu. Kesepakatan yang dicapai hasil daripada dialog yang dijalankan memberi ruang kepada pelaksanaan dakwah yang lebih berkesan umumnya kepada lapisan masyarakat yang Muslim dan non-Muslim dengan pengalaman yang sedia ada melalui gabungan idea antara kedua belah pihak.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, permuafakatan yang terbina melalui kesedaran pentingnya hubungan dialog dalam kehidupan seharian pastinya dapat memperbaiki semula jurang keretakan yang timbul antara saudara baru, keluarga asal atau keluarga kandung saudara baru, masyarakat non-Muslim dan masyarakat Islam di Malaysia amnya dan Kelantan khususnya. Bersesuaian dengan pandangan Awang dan Hambali (2016), aktiviti dialog dengan saudara baru harus berlangsung dengan kesabaran dan disusuli bimbingan padu dan tanggungjawab masyarakat Islam. Di sini pengkaji ingin menegaskan, pencapaian yang hakiki akan terbina melalui pembentukan norma, nilai dan persamaan yang wujud antara semua pihak disusuli dengan rasa saling menghormati dan kesediaan menerima perbezaan antara satu sama lain tanpa paksaan.

KESIMPULAN

Metodologi dakwah penting bagi mencapai tujuan dan objektif dakwah. Jika ia dikesampingkan dari aspek pemilihan metodologi yang baik, terancang dan mengikut kesesuaian sasaran, pastinya usaha-usaha dakwah akan lebih cenderung untuk ditolak. Oleh itu, pemilihan dan strategi pelaksanaan metodologi dakwah perlu seiring dengan situasi semasa di samping membuat pertimbangan dengan bijaksana supaya golongan saudara baru dapat menerima isi kandungan dakwah yang disampaikan serta mampu membentuk mereka sebagai pemangkin kepada kemurnian akhlak Islamiah. Hal ini bersesuaian dengan kemajmukan masyarakat di Malaysia serta pertembungan antara nilai kepercayaan, kebudayaan dan sosial. Apabila golongan saudara baru menjadi contoh yang baik kepada etniknya yang Islam dan belum Islam, secara tidak langsung ia mampu mengurangkan jurang salah faham tentang Islam. Selain itu, kekuatan sumber manusia sesama saudara baru juga akan menjadi semakin kuat sekiranya mereka mampu memaksimumkan potensi diri sebagai seorang khalifah.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada guru-guru dan rakan-rakan yang telah membantu memudahkan urusan penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd. Zin. 1995. Sasaran Dakwah Non-Muslim di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak, Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 2, 143–153.
Abdul Munir Ismail, Misnan Jemali & Mohd Noor Daud. 1985. Parents' dakwah to children: a study among the Banjar ethnic in the Krian District, Perak, Malaysia. *Jurnal Perspektif*(6)2: 42-50.

- Aemy Elyani Mat Zain Idris Zakaria Jaffary Awang. 2015. Islamic information & services foundation's (IIS) approach in fostering inter-religious dialogue in Malaysia. *Islamiyyat* 1: 76-85.
- Ali Abdul Halim Mahmud. 1990. *Fiqh al-Dakwah 'ila Allah*. al-Mansurah: Dar alWafa' li al-Thobacah wa al-Nasyr.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1935. *Tafsir al-Maraghi*, Terj: Bahrun Abu Bakar. Semarang: Penerbit PT.CV. Toha Putera.
- al-Shaukani, Muhammad Ibn Ali. 1973. *Fath al-Qadir*. Beirut: Darul Fikr.
- Anon. 1996. Aktiviti PERKIM Kelantan.
- Anon. 2000. Aktiviti PERKIM Kelantan.
- Anon. 2006. Laporan Pameran Seni Khat Muslim China di Kota Bharu.
- Anon. 2011. Aktiviti PERKIM Kelantan.
- Anon. 2011. Laporan Tahunan Mesyuarat Agung Tahunan ke-51. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Perak Darul Ridzuan, 23 September.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2016. The Role of Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) in managing Muslim reverts through dialogue of life aproaching. *Gjat* 6 (2): 115–27.
- Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3: 77–101.
- Che Yusuf Che Mamat, Ahmad Redzwan Yunus, Anuar Puteh. 2004. Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Suku Semai Di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang. *Jurnal Islamiyyat* 25(1) (33–34).
- Cik Azizon Razak Marican. 1997. *Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Dan Kepimpinan Politik Islam Di Kelantan Tahun 1967-1996: Satu Analisis Biografi Politik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dasuki, Ibrahim Dasuki. 1987. *Da'wah Islamiyyah: 'Ilmah wa 'Amalan*. Kaherah: t.pt.
- Enjang dan Aliyudin. Dasar-dasar ilmu dakwah: pendekatan filosofis dan praktis. Bandung: Widya Padjajaran.
- Habib Abdullah. 1980. *Kelengkapan Dakwah*. CV. Toha Putra: Semarang.
- Halimatussakdiah Ali & Fatmawati Sa'adiah Mohamad Sa'ad. 2015. Penghayatan Islam di kalangan saudara baru di Kompleks al-Sa'adah Seremban, Negeri Sembilan. Dlm. Anuar Puteh, Halimatussakdiah Ali, Nurul Afifah Musameh & Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi (pnyt.). *Organisasi Dakwah dan Isu Saudara Baru di Malaysia*, hlm. 75-91. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hidayat, R. Manajemen Dakwah Bil Lisan Perspektif Hadits. (2019). *Jurnal Al-Tatwir*, 6(2), 33-50.

- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram ibn Manzur. t.th. *Lisan al- 'Arab*. Beirut: Dār al-Sadir.
- Ibrahim Che Noh. 1995. Dakwah Kepada Non-Muslim. Dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail, 84. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Informan 1. 2018. Pendekatan Dakwah Tok Guru Nik Abdul Aziz kepada Saudara Baru, Kota Bharu. Temu bual, 4-15 Februari.
- Informan 2. 2018. Pendekatan Dakwah Tok Guru Nik Abdul Aziz kepada Saudara Baru, Kota Bharu. Temu bual, 4-15 Februari
- Informan 3. 2018. Pendekatan Dakwah Tok Guru Nik Abdul Aziz kepada Saudara Baru, Kota Bharu. Temu bual, 4-15 Februari
- Informan 4. 2018. Pendekatan Dakwah Tok Guru Nik Abdul Aziz kepada Saudara Baru, Kota Bharu. Temu bual, 4-15 Februari
- Informan 5. 2018. Pendekatan Dakwah Tok Guru Nik Abdul Aziz kepada Saudara Baru, Kota Bharu. Temu bual, 4-15 Februari
- Ismail Yusoff. 2015. Tuan Guru Nik Abdul Aziz Pemikiran Agama Dan Politik. Sintok: Penerbit UUM.
- Jabatan Statistik Malaysia. 2010. Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Agama, Jantina dan Negeri, Malaysia.
- Jamal Mohd Lokman Sulaiman. 1999. *Biodata Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Seorang Ulama Serta Ahli Politik di Abad ke-20*. Selangor: Sulfa Human Resources & Development.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah & Redwan Yasin. 2014. Pendekatan konsep al-hikmah dalam proses bimbingan mualaf. Dlm. Siti Rugaya Hj. Tibek, Fariza Md. Sham & Muhammad Hilmi Jalil (pnyt). *Pembangunan Dakwah Mualaf*. Bangi: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2012. *Cabarau Saudara Baru*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Yunan Mahmood. 2000. *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan (YIK) Dari Tahun 1979-2000*. Nilam Puri: Yayasan Islam Kelantan.
- Mu'jam al-Wasit*. 1985. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Nurzakira Afnee Zakaria, Safura Ahmad Sabri, Hazlin Falina Rosli, Ahmad Fatin Mohamad Suhaimi & Mohammad Aizham Mohammad Kassim. 2016. Keperluan dan kepentingan komunikasi keorganisasian dalam organisasi. Dlm. Zulkefli Aini, Ahmad Irdha Mokhtar & Ahmad A'toa' Mokhtar (Pnyt.). *Prosiding Seminar Antarabangsa Multi Etnik dan Silang Budaya*, hlm. 456-463. Bangi: Penerbit Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rahimin Affandi, Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. *Religious Dialogue: Its Reality and Prospects in Malaysia*. t.p.: Publication Universiti Sains Malaysia.
- Roslieza Rosli. 2017. Metodologi Dakwah Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) Kelantan Kepada Mualaf. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sayyid Qutb. 1998. *Fi Zilal Al-Quran*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Siti Labibah Mohd Khailani. 2008. Pendekatan Psikologi Dakwah Terhadap Pemulihian Penagih Dadah: Kajian Di Pusat Serenti Dengkil, Selangor. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hussein Azmi. 1984. *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin & Nur Athiroh Tan Ai Po. 2018. Dakwah Kepada Saudara Baru di Kelantan. *Fikiran Masyarakat*, 6(3), 106-110.
- Zuriati Mohd Rashid. 2010. *Peranan Wahyu Terhadap Isu-isu Kemasyarakatan*. Kursus IQF3072. Universiti Sultan Zainal Abidin: t.pt.

Senarai Pengarang:

Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin (Penulis Penghubung)
Calon Doktor Falsafah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: ya_iman@yahoo.com

Nur Syazana Adam
Calon Doktor Falsafah,
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin

Nur Farha Muhammad Faleh Lai
Calon Doktor Falsafah,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya